



TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

MAJLIS ANUGERAH TENAGA KEBANGSAAN (NEA) 2025

**25 SEPTEMBER 2025 (KHAMIS)
HILTON KUALA LUMPUR**

Bismillahirrahmanirrahim

(Salutasi)

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin-Nya kita dapat berhimpun pada malam yang penuh bermakna ini bagi meraikan Majlis Anugerah Tenaga Kebangsaan (*National Energy Awards* - NEA) 2025.
2. Bagi pihak Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir bagi menyemarakkan majlis yang bertujuan mengiktiraf usaha dan inisiatif industri serta organisasi dalam

menerapkan tenaga boleh baharu (TBB) dan amalan kecekapan tenaga.

3. Sejak diperkenalkan pada tahun 2018, NEA telah berkembang menjadi platform berprestij. Tahun lalu sahaja, 134 penyertaan diterima dengan sumbangan kepada pengurangan hampir 240,000 tan metrik pelepasan karbon setahun - bersamaan menanam 6 juta pokok. Jelaslah bahawa NEA bukan sekadar pengiktirafan, tetapi juga pemangkin perubahan.

USAHA PERALIHAN TENAGA NEGARA

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

4. Sebagai negara yang sedang membangun dengan aspirasi untuk menuju status neutral karbon menjelang 2050, Malaysia telah merangka pelbagai langkah konkrit untuk mempercepatkan peralihan tenaga. Pepatah Melayu ada menyebut, "genggam bara api biar sampai jadi arang", begitulah tekad kerajaan dalam memastikan dasar ini membuahkan hasil.
5. **Pertama**, kerajaan telah melaksanakan tarif elektrik baharu yang progresif bermula Julai 2025. Struktur tarif baharu ini memberi insentif kepada pengguna yang berjimat, dan menggalakkan industri mengurus penggunaan dengan lebih cekap. Melalui langkah ini, negara dijangka mengurangkan penggunaan tenaga secara signifikan, sekali gus menyumbang kepada pengurangan jejak karbon dalam penggunaan elektrik.

6. **Kedua,** kerajaan telah memperkukuh dan merancakkan pelaksanaan pelbagai program Pembangunan Tenaga Boleh Baharu (TBB) termasuk Program Tarif Galakkan, Solar Berskala Besar dan Solar Bumbung untuk meningkatkan campuran kapasiti TBB dalam pembekalan elektrik negara. Antaranya Kerajaan telah meluluskan pembangunan 10 projek solar terapung termasuk 2 projek yang akan menjadi antara loji solar terapung terbesar di rantau ini. Bagi menggalakkan pembangunan solar atas bumbung, Kerajaan juga telah memperkenalkan Program Solar *Accelerated Transition Program* atau Solar ATAP untuk membolehkan masyarakat turut menyokong agenda peralihan tenaga dengan memanfaatkan ruang bumbung bagi penjanaan tenaga hijau.
7. **Ketiga,** penekanan juga telah diberikan kepada usaha pengukuhan sistem rangkaian grid pintar bagi meningkatkan keanjalan sistem pembekalan elektrik negara. Langkah ini dilakukan menerusi inisiatif pemodenan grid termasuk kemasukan sistem penstoran tenaga berkapasiti 400MWj dengan pelaburan bernilai RM2.5 bilion sedang giat dilaksanakan, bagi meningkatkan kebolehpercayaan grid elektrik serta memudahkan integrasi TBB dalam sistem bekalan tenaga negara.
8. **Keempat,** mempelbagai dan membuka capaian bekalan elektrik hijau yang lebih luas kepada syarikat korporat untuk memenuhi komitmen *Environmental, Social & Governance* (ESG) menerusi pelaksanaan program akses bekalan elektrik hijau yang inovatif termasuk Program *Green Electricity Tariff, Corporate Renewable Energy Supply Scheme* (CRESS), *Community Renewable Energy Aggregation Mechanism* (CREAM) dan juga Malaysia Green

Attributes Trading System (mGATS). Bagi menggalakkan lagi penyertaan dalam program bekalan elektrik hijau ini, kos berkaitan penyertaan atau langganan program ini telah dikurangkan secara signifikan iaitu sehingga 80% baru-baru ini.

9. **Kelima**, bagi menerokai nilai pembangunan TBB yang lebih tinggi dan strategik, Kerajaan juga telah melaksanakan projek rintis perdagangan tenaga elektrik hijau rentas sempadan antara Malaysia dan Singapura, bagi membuka pasaran bekalan elektrik hijau yang lebih luas kepada penjanaan TBB di negara ini. Penjualan elektrik hijau ini telah dilaksanakan menerusi bidaan di platform *Energy Exchange Malaysia* (ENEGEM) pada Julai 2024 dan fasa 2 bidaan ini dijangka akan diadakan pada Oktober 2025 ini.
10. **Keenam**, bagi menyokong usaha pembangunan ekosistem pembekalan elektrik yang lebih berdaya harap, kompetitif dan inovatif, Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk memastikan supaya peruntukan regulatori pembekalan sedia ada, mampu menyokong perkembangan teknologi baharu, memperkukuh kecekapan operasi industri tenaga, serta membuka ruang kepada lebih banyak pelaburan dan persaingan yang sihat dalam pasaran tenaga negara. Sehubungan itu, pindaan kepada Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) bagi memasukkan peruntukkan perdagangan elektrik merentas sempadan, pengendali pasaran dan juga atribut hijau telah dilakukan, dan telah diluluskan di Parlimen. Pindaan Akta ini dijangka akan diwartakan dalam masa terdekat.

11. Pelaksanaan kesemua inisiatif ini membuktikan bahawa Malaysia bukan sahaja berhasrat, tetapi mampu melaksanakan transformasi tenaga dengan teratur, berimpak tinggi, dan berpaksikan kesejahteraan rakyat.

INISIATIF ANTARABANGSA: MALAYSIA PENERAJU ASEAN

12. Pada tahun ini, Malaysia turut tampil ke pentas antarabangsa sebagai Pengerusi ASEAN 2025. Tanggungjawab ini memberi peluang kepada kita untuk memperlihatkan kepimpinan serantau dalam agenda tenaga
13. Di bawah tema "Keterangkuman dan Kemampanan", Malaysia menekankan pertumbuhan ekonomi ASEAN yang dinamik, adil, inovatif dan berpusatkan rakyat. Salah satu visi strategik utama yang telah diberikan penekanan khusus adalah berkenaan pembangunan *ASEAN Power Grid* (APG), iaitu jaringan tenaga rentas sempadan yang bakal menjadi simbol integrasi serantau. Projek ini bukan sahaja menjamin bekalan tenaga, malah peluang besar untuk mendepani cabaran perubahan iklim.
14. Menurut Kajian Pelan Induk Saling Sambung ASEAN III (AIMS III), sebanyak 18 projek sambung tara rentas sempadan sedang diberi keutamaan. ASEAN dijangka mencapai kapasiti sambungan 17,550 MW menjelang 2040, dengan jaringan grid sepanjang 2,824 kilometer. Malaysia berperanan besar dalam merealisasikan aspirasi ini.

15. Pada masa ini, Malaysia telah membekalkan 50 MW tenaga bersih ke Singapura melalui rangkaian sambung tara sedia ada. Manakala antara projek sambung tara baharu / sedia ada utama yang sedang diterokai negara termasuk rangkaian sambung tara kabel dasar laut Vietnam-Malaysia-Singapura serta rangkaian sambung tara antara Malaysia dan Singapura sama ada melalui Semenanjung atau dari Sarawak.
16. Usaha yang dilakukan ini dijangka akan memperkukuh jaringan tenaga antara negara-negara ASEAN. Pepatah ada mengatakan, "bagai aur dengan tebing" - kerjasama erat inilah yang bakal memastikan rantau ini makmur bersama.

RMK13: MELAKAR SEMULA PEMBANGUNAN

17. Semua inisiatif tempatan dan serantau ini juga akan diperkukuh melalui pelaksanaan dalam kerangka Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) 2026-2030, bertemakan "Melakar Semula Pembangunan". Antara fokus utama RMK13 yang telah dibentangkan YAB Perdana Menteri termasuk:
 - a. Pembangunan grid pintar dan sistem penyimpanan tenaga BESS;
 - b. Pelaksanaan Pengendali Pasaran elektrik rentas sempadan di bawah pindaan RUU Bekalan Elektrik 2025;
 - c. Pemerkasaan pelaksanaan projek penjanaan TBB daripada sumber solar, hidro dan teknologi hijau lain;

- d. Perluasan akses bekalan elektrik hijau kepada pengguna korporat serta pelaksanaan program agregasi pemasangan solar secara berkelompok; dan
 - e. Penerokaan tenaga nuklear melalui kerangka NEPIO sebagai sumber bersih dan selamat.
18. Segala usaha yang dilaksanakan ini menjadikan Malaysia bukan sahaja peneraju tenaga hijau di ASEAN, tetapi juga pemacu utama aspirasi neutral karbon menjelang 2050. Pepatah Melayu ada menyebut, "bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat". Dengan muafakat serantau dan dasar yang berpandangan jauh, kita mampu mencapai kejayaan ini.

NATIONAL ENERGY AWARDS: PEMANGKIN PERUBAHAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

19. Segala yang saya kongsiikan tadi hanyalah sebahagian daripada perjalanan besar yang telah Kerajaan laksanakan dalam memperkukuh agenda tenaga lestari. Tetapi, perjalanan ini tidak mungkin berjaya tanpa sokongan organisasi, institusi dan individu, termasuklah Tuan-Tuan dan Puan-Puan pada malam ini.
20. Oleh itu, pengiktirafan pemenang-pemenang NEA pada malam ini amat penting dalam memperluas kesedaran dan amalan terbaik tenaga lestari di negara ini. Sejak 2018, para pemenang NEA telah membuktikan kemampuan Malaysia dalam melahirkan pemain industri TBB yang berdaya maju, kompetitif, dan setanding di peringkat antarabangsa.

21. Saya berharap agar pemenang NEA yang bakal menerima anugerah nanti akan terus melangkah ke hadapan dan berani mencuba dan berkongsi penyelesaian inovatif dalam mengoptimumkan penerapan tenaga lestari negara. Adalah menjadi harapan saya agar anda semua akan terus cemerlang dan mengungguli Anugerah Tenaga ASEAN atau *ASEAN Energy Awards* (AEA).

PENUTUP

22. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Eksekutif, Jawatankuasa Teknikal serta semua panel penilai NEA 2025 atas curahan masa dan usaha dalam mengenal pasti pemenang NEA tahun ini. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak sekretariat iaitu Sektor Tenaga, PETRA, MGTC, Suruhanjaya Tenaga dan SEDA Malaysia atas kejayaan penganjuran majlis kita pada malam ini.
23. Saya yakin dengan semangat kebersamaan, kita akan terus melakar masa depan tenaga yang mapan. Jika kita bersatu hati dan beriltizam, kita pasti akan mencapai matlamat yang disasarkan.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.